

MEMPERKASA PELAJAR MALAYSIA MEMACU MASA DEPAN PENDIDIKAN: STUDENT SUMMIT 2023

KUALA LUMPUR: Student Summit anjuran Citi Foundation dan Teach For Malaysia telah menghimpunkan 90 pelajar sebagai peserta Student Summit di Menara Citibank. Acara ini diterajui 18 pelajar dari pelbagai wilayah di Malaysia. 18 ahli jawatankuasa ini telah dibimbing oleh 12 mentor sukarelawan dari Citi Malaysia.

Datuk Yvonne Chia, Pemegang Amanah Teach For Malaysia, berkongsi, "Kepimpinan Pelajar telah menjadi bahagian teras kerja dan visi Teach For Malaysia sejak kami mula-mula memulakan program Fellowship pada tahun 2012. Student Summit ini bertujuan untuk memperkasa dan menguatkan suara pelajar untuk menginspirasikan pendidikan berkualiti bagi semua pelajar sebagai sebahagian daripada program Building Young Leaders Today for Tomorrow (BUILD). Kami amat berterima kasih kepada Citi Foundation dan Citi Malaysia kerana bermurah hati menyokong usaha pembangunan kepimpinan pelajar TFM dan dedikasi yang menakjubkan ditunjukkan oleh mentor, kakitangan & CEO Citi."

Chan Soon Seng, Ketua Pegawai Eksekutif Teach For Malaysia turut berkongsi melalui ucapan beliau yang menekankan peranan pentingnya pendidikan. Sesungguhnya, "Teach For Malaysia beraspirasi bahawa menjelang 2030, akan terdapat sejumlah besar belia di Malaysia yang memacu penyelesaian kepada komuniti tempatan mereka, memikul tanggungjawab sivik mereka, dan lebih bersedia untuk meneruskan laluan kerjaya yang diingini. Pelajar sentiasa ditekankan untuk mengetahui cita-cita mereka, tetapi kita terlupa bahawa penting bagi pelajar untuk mengambil berat tentang dunia dan mengetahui jenis dunia yang mereka mahukan. Kemudian, hanya mereka yang boleh memikirkan bagaimana untuk mencipta dunia yang berbeza daripada rasa ingin tahu yang telah ditanam dalam diri mereka."

Student Summit telah menampilkan bengkel yang menyediakan para peserta dengan pengetahuan dan motivasi yang mereka perlukan untuk menjadi peneraju perubahan. Bengkel pertama yang bertajuk 'Apakah Pemangkin Suara Pelajar?' telah memberi inspirasi kepada pelajar untuk menyatakan isu yang mempengaruhi pendidikan mereka dan mengapa mereka harus menyuarakan kebimbangan mereka. Para pelajar juga telah membentangkan aspirasi mereka untuk Organisasi Kebangsaan mewakili suara mereka bagi menangani isu yang membimbangkan pelajar di seluruh negara dalam bengkel kedua.

Vikram Singh, Ketua Pegawai Eksekutif CITI Malaysia, berkongsi, "Semua pelajar adalah pemimpin masa depan, dan saya juga ingin menekankan kerjasama antara ibu bapa dan guru. Ibu bapa saya telah menerapkan nilai kerja keras, tanggungjawab dan rasa

ingin tahu sepanjang hidup saya Sebagai ibu bapa, ia telah menjadi tugas kita untuk menyemai nilai ini kepada ana-anak kita untuk mereka membuat pilihan untuk menjadi seseorang dalam kehidupan mereka."

Pelajar kemudian terlibat dalam dialog pelajar-dewasa bertajuk 'Mengutamakan Suara Pelajar Untuk Meningkatkan Pendidikan Saksama?' di mana mereka menyelami lebih mendalam tentang kepentingan suara mereka dalam membentuk masa depan pendidikan.

"Persekitaran pembelajaran yang kondusif adalah penting yang mana terdiri daripada komunikasi dua hala di mana guru dan pelajar boleh melibatkan diri dan bukannya kaedah *chalk-and-talk* sahaja. Bilangan pelajar di dalam bilik darjah juga memainkan peranan yang besar dalam menjadikan kita sebagai pelajar menerima ilmu dengan cara yang betul. PKP telah meninggalkan kesan besar kepada kehidupan kami. Sesetengah daripada kami mungkin mengalami kesukaran masih tidak faham akan beberapa topik kerana sambungan internet kami yang teruk ketika itu. Jadi, kami harap guru-guru tidak akan berputus asa dengan kami kerana kami juga sedang bertungkus-lumus untuk meningkatkan tahap diri kami." kongsi Alif, salah seorang ahli panel pelajar.

Citi Foundation dan Teach For Malaysia komited untuk memperkasakan pelajar untuk memainkan peranan aktif dalam membentuk masa depan pendidikan. Pada tahun 2023, Citi Foundation dan Teach For Malaysia telah memulakan perjalanan untuk mengaktifkan ekosistem sokongan untuk 3300 pelajar di Sarawak untuk mencipta perubahan dalam komuniti mereka. Kolaborasi ini turut memberi impak kepada 22 guru baharu di bawah Program TFM yang dilatih dalam membangunkan kepimpinan pelajar di dalam bilik darjah. Usaha ini turut memuncak dalam Student Summit. Selepas tamatnya Student Summit, Teach For Malaysia berharap dapat melihat pelajar menubuhkan majlis pelajar mereka di sekolah masing-masing untuk mewakili suara pelajar dalam proses membuat keputusan di sekolah mereka.

Appendix



Dari kiri: Sawittri Charun (Moderator - Pengurus Penyelidikan, Impak & Reka Bentuk Teach For Malaysia), Nur' Mazira binti Abdul Zaim, Isaac Ningkan, Vikram Singh (CKetua Pegawai Eksekutif Citi Malaysia), Chan Soon Seng (Ketua Pegawai Eksekutif Teach For Malaysia), Alif Ardian Bin Norman, Eshikaman Kaur.



Nur Fatini Alya, Ahli jawatankuasa Student Summit 2023 yang telah membimbing para peserta bengkel Student SUmmit yang bertajuk 'Apakah Pemangkin Suara Pelajar?'

Nota buat penyunting

Teach For Malaysia (TFM) merupakan sebuah organisasi bebas yang bukan berasaskan keuntungan. TFM mempunyai misi agar setiap anak Malaysia akan berpeluang mencapai potensi diri melalui pendidikan berkualiti. TFM bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mencapai sekolah-sekolah awam berkeperluan tinggi. TFM merupakan sebahagian daripada 60 rakan rangkaian pendidikan global berprestij, Teach For All.

Sejak 2012, Teach For Malaysia telah membina sebuah gerakan transformasi dalam sistem pendidikan dengan menempatkan graduan dan belia profesional yang berpotensi tinggi sebagai guru sepenuh masa di sekolah-sekolah berkeperluan tinggi di Malaysia untuk membanteras ketidaksamaan pendidikan melalui program andalan kami, Felo TFM. Pada tahun 2020, TFM telah meluaskan usaha kami untuk turut melatih dan membimbing guru-guru STEM yang sedang berkhidmat di sekolah melalui Program Duta Guru (PDG) yang berjalan selama dua tahun.

Teach For Malaysia adalah penerima Anugerah Merdeka (Merdeka Awards) 2022 dalam kategori Pendidikan dan Komuniti. Anugerah Merdeka merupakan sebuah anugerah prestasi ulung Malaysia yang diasaskan oleh PETRONAS, ExxonMobil, dan Shell pada tahun 2007.

Sejak pelancaran kami pada tahun 2012, gerakan kami kini terdiri daripada 1481 orang Felo, peserta PDG dan Alumni dan telah membawa impak kepada seramai 332,337 orang murid di 946 buah sekolah di seluruh Malaysia.

About Citi Foundation

The Citi Foundation works to promote economic progress and improve the lives of people in low-income communities around the world. We invest in efforts that increase financial inclusion, catalyse job opportunities for youth, and reimagine approaches to building economically vibrant communities. The Citi Foundation's "more than philanthropy" approach leverages the enormous expertise of Citi and its people to fulfil our mission and drive thought leadership and innovation.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Felicia Tan

Pengurus Pemasaran

Teach For Malaysia

Tel: +6017 3711 571

Emel: felicia.tan@teachformalaysia.org

Laman web: www.teachformalaysia.org

Twitter: <https://twitter.com/teachformsia>

Facebook: <https://www.facebook.com/teachformalaysia>

Instagram: <https://www.instagram.com/teachformsia/>